

Aplikasi Kaedah Analisis Kandungan: Gambaran Budi Bahasa dan Nilai Murni Orang Melayu dalam Buku *Malay Courtesy*

NOOR AINA DANI

ABSTRAK

*Dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia pada masa kini, terdapat keperluan yang mendesak untuk memahami dengan lebih dekat adab dan budaya bangsa-bangsa yang berlainan. Sikap menghargai adab dan budaya sesuatu masyarakat adalah satu cara untuk menuju ke arah perpaduan kaum. Keterangan tentang budi bahasa yang diamalkan oleh orang Melayu dalam kehidupan seharian mengikut pemerhatian Sheppard dalam bukunya yang bertajuk **Malay Courtesy** diharap dapat menyumbang ke arah matlamat perpaduan pelbagai kaum. Kaedah analisis kandungan digunakan oleh penulis untuk memaparkan amalan budi bahasa orang Melayu dalam kehidupan seharian di sekitar tahun 1950-an. Buku ini memberi faedah kepada orang Melayu sendiri kerana di dalamnya tertulis adab dan etika tingkah laku orang Melayu lama yang ada antaranya sudah tidak diamalkan oleh orang Melayu sendiri, sedangkan ianya sesuatu yang berharga, yang mesti dipulihara oleh orang Melayu. Isi kandungan buku ini terbina daripada enam bab tentang budi bahasa orang Melayu; iaitu berjumpa dan bersalam, di rumah, musim menuai, perkahwinan, sembahyang Jumaat, serta kelahiran-kematian. Daripada analisis kandungan terhadap buku ini, didapati bahawa budi bahasa orang Melayu dimanifestasi menerusi tatatertib, perbuatan kebajikan, bersopan santun, kelakuan, tutur kata, dan kebijaksanaan. Gambaran nilai murni yang terkandung dalam buku ini terdiri daripada kebersihan fizikal, amalan baik, disiplin diri, hormat-menghormati, semangat hidup bermasyarakat, kesyukuran dan keredaan, semangat kejiranan, semangat kerjasama, tolong-menolong, murah hati, kepercayaan kepada tuhan, bertanggungjawab, kasih sayang, dan bersimpati.*

Kata kunci: Kaedah analisis kandungan, orang Melayu, budi bahasa, nilai murni, Malay Courtesy

ABSTRACT

Within the plural society in Malaysia nowadays, there is an urgent need for a closer understanding of manners and culture from different races. Attitude of being able to appreciate the courtesy and culture of different society is one of the ways to move towards unity. Description of courtesy as practiced by the

Malays in their daily lives as observed by Sheppard in his book "Malay Courtesy" is hoped to contribute to the goal of multiracial unity. Content analysis method is used by the author to show the courtesy practice of the Malays in their daily lives around the 1950's. This book will benefit the Malays themselves because inside is written good manners and ethical behavior of some of the old Malay which are no longer being practiced by the Malays, but it is something of value, which must be conserved by the Malays. The content of this book consist six chapters about the Malay courtesy: meeting and greeting, at home, harvesting season, marriage, the Friday prayers, as well as birth-death. From content analysis of this book, it appears that the Malays courtesy is manifested through discipline, good deeds, well mannered, behavior, speech, and wisdom. The reflection of values in this book consists of physical cleanliness, good practice, self discipline, respect, community spirit, gratitude and willingness, good neighborliness, cooperation, mutual help, generous, belief in God, responsibility, compassion, and sympathy.

Key words: Content analysis method, the Malays, manners, moral values, Malay courtesy

PENDAHULUAN

Masyarakat di Malaysia terdiri daripada adunan etnik dengan adat resam, budaya, dan nilai hidup masing-masing. Misalnya suku kaum Dusun di Sabah, masyarakat Siam di Kelantan, suku kaum Iban di Sarawak, dan Baba Nyonya di Melaka. Dalam kehidupan seharian, kaum-kaum yang berlainan kepercayaan dan agama ini ada mengamalkan nilai murni orang Melayu walaupun mereka bukan orang Melayu. Pada masa yang sama mereka masih ampuh mengekalkan jati diri mereka yang asal (Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad 2010). Sudah tentu ada faktor tampak dan tak tampak tentang budi bahasa dan nilai murni orang Melayu yang berjaya memaut hati masyarakat bukan Melayu di Malaysia. Fenomena yang unik ini sudah lama wujud dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Pada hakikatnya, beberapa nilai murni yang sarwa jagat dapat digarap daripada adab orang Melayu serta diamalkan dalam kehidupan masyarakat bukan Melayu. Sebagai contoh, dalam *Central Values of Hang Tuah the Malay Hero* (Muhammad Haji Salleh 1991), Hang Tuah dilukiskan sebagai manusia yang menjunjung nilai-nilai masyarakat Melayu. Antara yang terpenting ialah nilai-nilai fizikal dan peribadi, nilai-nilai sosial, moral dan akhirnya kebangsaan.

DEFINISI ISTILAH

Aplikasi Kaedah Analisis Kandungan

Analisis kandungan ialah satu kaedah penyelidikan yang membuat tumpuan terhadap mesej dengan membuat pengamatan secara sistematik terhadap kategori yang dipilih oleh penyelidik. Daripadanya, penyelidik membuat kesimpulan dan membina pendapat terhadap sesuatu isu (Syed Arabi Iddid 1993).

Gambaran Budi Bahasa Orang Melayu

Keterangan tentang budi bahasa yang diamalkan oleh orang Melayu dalam kehidupan seharian mengikut pemerhatian M.C. FF. Sheppard dalam buku yang bertajuk, *Malay Courtesy*” (1959). Singapore: Eastern Universities press LTD. Budi bahasa lazimnya merujuk kepada ‘tutur kata, kelakuan, sopan santun, tatatertib, akal, kebijaksanaan dan perbuatan kebajikan yang tercantum dalam kata-kata akhlak mulia’. Tegasnya, setiap gerak laku, tutur kata, tata hidup, pemikiran dan perasaan baik terhadap orang lain sebagai peribadi mahupun pergaulan masyarakat terangkum dalam konsep budi bahasa (Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan 2005).

Nilai Murni Orang Melayu

Satu konsep yang dijadikan asas oleh masyarakat Melayu untuk mengukur atau membuat pilihan serta keputusan terhadap sesuatu perkara, darjat, mutu, kualiti, taraf perilaku dan benda mengenai seseorang atau kelompok orang sebagai baik, berharga dan bernilai (Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan 2005).

METODOLOGI

Kerangka konsepsi penyelidikan ini terbina daripada enam budi bahasa orang Melayu yang terkandung dalam buku bertajuk, *Malay Courtesy* (Sheppard 1959): 45 nilai murni untuk amalan rakyat Malaysia (KeKKWa 2005); dan *Spiral Dynamics*.

i. Buku

M.C. FF Sheppard (1959) *Malay Courtesy*, Singapore: Eastern Universities Press LTD.

Bab 1, m.s. 1 Berjumpa dan Bersalaman
Cara bersalam. Kata-kata hormat ketika mula bertemu. Ciuman. Menunjuk. Melambai.

Bab 2, m.s. 6 Di rumah.
Kasut dan di mana menyimpan kasut. Penggunaan serambi dan bilik-bilik di dalam rumah. Mandi. Makan sekeluarga. Cara bertegur sapa sesama keluarga.

Bab 3, m.s. 12. Musim Menuai.
Mengumpul beras. Menyimpan beras. Sirih dan kegunaannya. Keluarga dan upacara. Keris, asal usul dan cara membersihkan keris.

Bab 4, m.s. 20 Perkahwinan.
Persiapan. Berinai Kecil. Berinai Besar. Upacara keagamaan. Hadiah. Pelamin. Menyambut pengantin. Bersanding.

Bab 5, m.s. 30 Sembahyang Jumaat
Persiapan. Di masjid. Lima rukun Islam. Benda-benda tak bersih. Sembahyang di rumah. Hak wanita Melayu dalam sembahyang.


Bab 6, m.s. 35 Kelahiran dan Kematian
Peraturan sebelum dan selepas bersalin. Penamaan. Buaian. Cukur kepala. Kematian di dalam rumah. Persiapan Pengkebumian. Pengkebumian.

Budi bahasa orang Melayu menjadi salah satu kerangka konsepsi penyelidikan ini kerana daripadanya tersirat atau tersurat nilai murni orang Melayu itu sendiri.

ii. 45 Nilai Murni untuk Amalan Rakyat Malaysia (KeKKWa 2005).
Lihat Lampiran A.

Penulis menggunakan 45 Nilai Murni untuk amalan Rakyat Malaysia (KeKKWa 2005) sebagai garis panduan nilai murni yang sepatutnya merentas masyarakat yang dikaji tanpa mengambil kira suku kaum, bangsa, dan agamanya.

Kerangka Konsepsi



Kaedah Kajian

Penyelidik menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mendapatkan gambaran budi bahasa dan nilai murni orang Melayu dalam buku *Malay Courtesy* (Sheppard 1959). Analisis kandungan membenarkan penyelidikan dilakukan terhadap utusan daripada apa jua sumber dan paling popular digunakan oleh pelajar.

Mengikut Noor Aina Dani (2000), kaedah analisis kandungan terdiri daripada lima langkah, iaitu pensampelan, kategori, sistem perhitungan, unit catatan, dan unit konteks.

Dapatan Kajian

1. Persampelan

Bidang yang dikaji ialah bidang bahasa. Alat kajian ialah sebuah buku karya M.C.FF Sheppard (1959) yang bertajuk, *Malay Courtesy*. Singapore: Eastern Universities Press LTD. Buku ini mengandungi

41 muka surat. Penulis menggunakan keseluruhan sampel, iaitu 100% bersamaan 41 muka surat. Hal ini bermakna, tidak timbul masalah memilih saiz sampel dengan menggunakan undian atau jadual rawak.

2. Kategori

Kategori yang dipilih ialah ayat yang mengandungi gambaran budi bahasa dan nilai murni orang Melayu. Sebagai contoh:

“He had brought his friend Mustaffa with him to discuss the purchase of a buffalo. Leaving their brown leather shoes on the bottom step they entered the mat-covered verandah barefooted and Othman called to his wife, “Nah”, to let her know that he was home. No Malay under any circumstances would wear his or her shoes inside a Malay house, and even non-Malays would be expected to leave their shoes on the steps and enter in their socks. Apart from general reasons of cleanliness this rule is observed because the front verandah is used from time to time for prayers, and shoes are invariably removed before entering any place of Muslim worship” (Sheppard 1959: 6).

Perbuatan tidak memakai kasut semasa berada di dalam rumah merupakan salah satu daripada budi bahasa orang Melayu. Sekiranya seseorang itu memakai kasut sewaktu berada di dalam rumah orang Melayu, maka orang itu dianggap tidak berbudi bahasa. Nilai murni yang tersirat dalam amalan tersebut ialah hormat-menghormati dan menjaga kebersihan. Kategori yang dipilih ini tepat dan berfungsi kerana memang intipati buku ini menerangkan tentang budi bahasa orang Melayu. Unit catatan digunakan ialah ayat. Unit konteks ialah perkataan yang menerangkan budi bahasa dan nilai murni orang Melayu dibaca dalam konteksnya yang lebih luas, iaitu sekurang-kurangnya dalam satu ayat atau perenggan supaya pengkaji dapat mengenal pasti nilai murni yang tersirat dalam sesuatu budi bahasa seperti yang tergambar dari kaca mata penulis buku ini.

3. Sistem Perhitungan

Sistem Perhitungan yang digunakan oleh penulis ialah pengekodan binari. Setiap kali tersua ayat menerangkan budi bahasa dan nilai murni orang Melayu, maka penulis memberikan satu markah seperti yang berikut:

Kategori	Pengekodan	Kekerapan
Ayat yang menerangkan	m.s. 1	1
Budi bahasa orang Melayu	m.s. 2	1
	m.s. 4	3
	m.s. 5	1
	m.s. 6	1
	m.s. 7	1
	m.s. 8	1
	m.s. 9	1
	m.s. 10	1
	m.s. 11	1
	m.s. 13	1
	m.s. 20	1
	m.s. 21	1
	m.s. 22	1
	m.s. 23	1
	m.s. 29	1
	m.s. 33	1
	m.s. 34	1
	m.s. 35	1
	m.s. 36	1
	m.s. 37	1
	Jumlah	23

Bab Satu

Berjumpa dan Memberi Salam

4. Unit Catatan ...dan seterusnya

Ayat 1 (m.s. 1): “Ka-mana?” *The question does not require an answer and is nor asked out of any sense of curiosity, but is a token of friendliness and it would be regarded as proud and impolite to pass without speaking to an acquaintance or friend in this way. The reply “Ta’ada ka-mana” complete the proprieties, and Othman smiles and passes on.*

5. Unit Konteks...dan seterusnya

Budi bahasa : Tutar kata dan gerak laku terhadap orang lain sewaktu berselisih di jalan.

Nilai murni : Hormat-menghormati.

Ayat 2 (m.s. 2): *Othman finds a group of his neighbours standing inside one of the class-rooms and as he enters he says the usual Muslim greeting (in Arabic) "As-salaamu-alay-kum", to which they reply "Wa'alaykum u's-salaam". Then moving forward he holds out his right hand to the nearest acquaintance, with palm and fingers in a straight line and joins hands with him. The contact is brief, without any grasp or handshake, and the hand is then raised to the breast for an instant. As he does this he says "Apa khabar?" to which the other replies automatically "Khabar baik". Othman extends his hand, but without repeating the greeting, to each one in the group.*

Budi bahasa : Orang Melayu sinonim dengan agama Islam yang lazim menggunakan kata-kata sapaan "As-salaamu-alay-kum", dan dijawab dengan "wa'alaykum u's-salaam".

Nilai murni : Kepercayaan kepada Tuhan dan hormat-menghormati.

Budi bahasa : Orang Melayu mempunyai tatatertib yang khusus sewaktu bersalam. A menghulurkan tangan kanannya ke hadapan dan si B pula menghulurkan kedua-dua tangannya untuk menyambut tangan si A. Tiada goncangan tangan kedua belah pihak, kemudian tangan di letakkan ke dada.

Nilai murni : Hormat-menghormati.

Ayat 3 (m.s. 4): *When he reaches the Imam of the Mosque he says "Apa khabar Pa' Imam?" and bends to kiss his hand, holding out both his hands, the right touching the Imam's right palm and his left touching the back of the Imam's hand simultaneously. He then lifts both his hands to his forehead and lowers them to his breast to complete the salutation.*

Budi bahasa : Tatatertib sewaktu bersalaman dengan orang yang dihormati dalam masyarakat Melayu, iaitu Pa' Imam.

Nilai murni : Menghormati orang yang mulia kedudukannya dalam masyarakat Melayu.

Ayat 4 (m.s.4): *The Penghulu had occasionally point to a padi area which could be seen through the school window: he did so with his right first finger but if he had wished to indicate an individual he would have done so with the thumb of his right hand-his four fingers*

folded on to his palm, since to point at a person with a finger is liable to bring bad luck and is considered bad manners.

- Budi bahasa : Kelakuan menunjuk sesuatu dengan menggunakan jari yang disetujui oleh masyarakat Melayu. Pertama, menggunakan jari telunjuk kanan dan kedua, menggunakan ibu jari tangan kanan dan jari-jari yang lain disimpul.
Pemikiran orang Melayu yang percaya menunjuk ke arah seseorang menggunakan jari telunjuk membawa nasib yang tidak baik.
- Nilai Murni : Disiplin diri dan amalan baik.

Ayat 5 (m.s. 4-5): A few minutes later one of the village elders wished to call another landowner whom he saw passing nearby to join in the discussion: he did so with a beckoning motion of the four fingers of his right hand moved together, with his palm downwards, at the same time calling his name “Che’ Sulaiman, jemput sa’bentar”.

- Budi bahasa : Kelakuan menjemput seseorang dengan lambaian tangan yang dianggap sopan oleh masyarakat Melayu.
- Nilai murni : Disiplin diri dan semangat kerjasama.

Bab Dua

Di Rumah

Ayat 6 (m.s. 6): No Malay under any circumstances would wear his or her shoes inside a Malay house, and even non-Malays would be expected to leave their shoes on the steps and enter in their socks.

- Budi bahasa : Tatatertib menjaga kebersihan dengan menanggalkan kasut sewaktu masuk ke dalam rumah.
- Nilai murni : Kebersihan fizikal

Ayat 7 (m.s. 7): Any visitor to a Malay house at any time of day is made welcome by light refreshments, and on his part (if he is a Malay) he must eat and drink at least a little of what is offered.

- Budi bahasa : Perbuatan melayan tetamu yang berkunjung ke rumah dengan menghidangkan air kopi dan kuih-muih.
- Nilai murni : Amalan baik.

Ayat 8 (m.s.8): *In Malay opinion, particular in rural areas, the wearing of shorts, which leave part of the lower thigh exposed, is immodest.*

Budi bahasa : Bersopan santun dengan berpakaian menutup aurat di hadapan orang ramai terutama yang bukan muhrim.

Nilai murni : Disiplin diri, berpada.

Ayat 9 (m.s.9): *Othman, like all Malays when at home, ate with his right hand. Although he had just returned from his bath he dipped his fingers in a bowl of water, to ensure that they were clean, before he started to eat.*

Budi bahasa : Kelakuan menyuap makanan ke dalam mulut dengan tangan kiri dianggap tidak beradab oleh orang Melayu. Tangan dibasuh sehingga bersih sebelum menyentuh makanan.

Nilai murni : Amalan baik dan kebersihan fizikal.

Ayat 10 (m.s. 10-11): *When speaking to them he referred to himself as Ayah in place of the personel pronoun and addressed each of the children by their names, affectionately abbreviated, instead of "you". They, in turn, addressed their father as "Ayah" or Bapa" or Abah" and their mother as "Mak" and when they wished to say "I" referred to themselves by their abbreviated personel names. Thus Yusof became "Sup", Salleh became "Leh", Abdul Rahman became "Man" and so on.*

Budi bahasa : Tutur kata orang Melayu yang menggunakan sistem panggilan yang sesuai dengan umur ahli keluarganya. Orang tua dihormati manakala anak-anak tidak memanggil nama ayah dan ibu. Anak-anak membahaskan diri dengan kependekan nama masing-masing.

Nilai murni : Hormat-menghormati.

Bab Tiga

Musim Menuai

Ayat ii (m.s. 13): *As soon as the harvest was safely stored Othman had invited his relatives, the village elders and a few friends to an evening meal to sample his "new rice" (kenduri beras baharu), and thanks were offered to Allah for the good yield, in which they all joined.*

- Budi bahasa : Perbuatan kebajikan dengan menjemput kawan-kawan dan orang kampung sama-sama merasa beras baru dalam kenduri kesyukuran selepas musim menuai.
- Nilai murni : Semangat hidup bermasyarakat
Kesyukuran dan keredaan

Bab Empat

Perkahwinan

Ayat 12 (m.s. 20-23): *The wedding of Kamariahin the actual marriage ceremony.*

- Budi bahasa : Perbuatan kebajikan dengan bergotong-royong untuk menyempurnakan majlis perkahwinan.
- Nilai murni : Semangat kejiranan
Semangat kerjasama
Tolong-menolong

Ayat 13 (m.s.29): *Othman and his wife exhausted but content; the last farewell had been said, there was no shortage of anything and there had not been a drop of rain: "Alhamdulillah".*

- Budi bahasa : Kebijaksanaan melayan tetamu yang menghadiri majlis perkahwinan dan memastikan majlis berjalan lancar.
- Nilai murni : Bersungguh-sungguh
Murah hati
Kepercayaan kepada Tuhan

Bab Lima

Sembahyang Jumaat

Ayat 14 (m.s.33): *Neither Othman's wife nor any Malay women were permitted to worship in the main portion of the Mosque in company with the men, for they might disturb single-minded devotion, but a separate division, screened by a curtain, was set aside for women at the side of the building.*

- Budi bahasa : Tatatertib wanita Melayu menunaikan sembahyang di masjid.
- Nilai murni : Kepercayaan kepada Tuhan
Semangat kemasyarakatan

Ayat 15 (m.s. 34): *Yusof and his schoolboy contemporaries had also attended Friday prayers, walking there independently, but later in the afternoon they could be seen taking part in a game of Sepak raga, standing in a circle in the open compound beside Othman's house.*

- Budi bahasa : Kebijaksanaan menunaikan tanggungjawab sebagai seorang Muslim dan bergaul dalam masyarakat.
Nilai murni : Kepercayaan kepada Tuhan
Bertanggungjawab
Semangat hidup bermasyarakat

Bab Enam

Kelahiran dan Pengkebumian

Ayat 16 (m.s.35-36): *Ghazali then welcomed his son to the world with the words "Allahu Akbar", repeated three times, as required of all Malay fathers.*

- Budi bahasa : Tatatertib mengazankan anak yang baru lahir.
Nilai murni : Kepercayaan kepada Tuhan
Bertanggungjawab
Kasih sayang

Ayat 17 (m.s.37): *On the last evening Othman called the Bilal, one of the Mosque officials, to the house and asked him to teas the Yaasin passages from the Koran and while he was intoning the final sentences the old man died.*

- Budi bahasa : Perbuatan kebajikan dengan membatu orang sakit mengingati Tuhan Yang Maha Esa
Nilai murni : Semangat hidup bermasyarakat
Bersimpati

KESIMPULAN

Budi bahasa dan nilai murni orang Melayu adalah berasaskan agama Islam dan warisan kebudayaan mereka. Teras budaya hidup orang Melayu adalah mengerjakan sembahyang lima waktu, iaitu sembahyang Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib, dan Isyak. Orang Melayu biasanya saling menyapa dengan ucapan 'Salam' dan berjabat tangan. Kepada orang bukan Islam, mereka mengucap "Selamat Pagi" atau sebagainya mengikut masa,

ataupun “Apa Khabar” saja. Mereka biasanya menunjukkan wajah yang mesra dan suara yang lembut. Kepada sesama Islam diucapkan “Assalamualaikum”. Pada setiap tengah hari Jumaat mereka mengadakan sembahyang Jumaat beramai-ramai di tempat ibadat bernama “masjid”. Pada bulan-bulan tertentu mereka mengadakan acara ibadat tertentu, seperti bulan Muharam dengan sambutan Awal Muharam, Rabiulawal dengan Maulidur Rasul, Rabiulakhir, Jamadilawal, Jamadilakhir, Rejab, Syaaban dengan Nisfu Syaaban, Ramadan dengan puasa selama sebulan, Syawal dengan hari Raya Puasa, Zulkaedah, Zulhijah dengan pergi Mekah naik haji dan merayakan Hari Raya Haji.

Perkahwinan berlaku pada zaman belia, kira-kira pada umur 20 tahun atau lebih. Apakala seorang lelaki telah menemui jodoh dengan seorang wanita, maka ibu bapa atau wakilnya masuk meminang untuk menetapkan tarikh perkahwinan dan bayaran-bayaran tertentu, seperti mas kahwin, belanja hantaran, dan pelbagai keperluan lain. Setelah kahwin pasangan muda boleh tinggal bersama keluarga lelaki, keluarga perempuan ataupun di rumah sendiri. Ketika lahir seorang bayi lelaki, sebaik saja siap dibersihkan dan dibedungkan, dia disambut oleh seorang lelaki dewasa yang menyerukan ‘azan’ perlahan-lahan di telinganya. Bagi bayi perempuan ia diserukan dengan “Iqamat”. Ketika sakit, semua anggota keluarga sentiasa menjaga si sakit dan jiran-jiran digalakkan berkunjung serta mendoakan supaya selamat. Pada ketika hampir kematian, seseorang itu diajar ‘mengucap dua kalimah syahadat’. Ketika mati, mayatnya ditutup dan dibaringkan di ruang tamu dengan mengiring menghadap kiblat atau Mekah (Saudi Arabia). Dia akan dimandikan, disembahyangkan, kemudian dikebumikan di kawasan perkuburan oleh ketua agama seperti Imam secepat mungkin.

Terdapat juga upacara dalam sistem pertanian, seperti pertanian padi, menangkap ikan, dan membina rumah. Ada juga kepercayaan tradisi berkaitan hantu dan kejadian alam yang mempunyai pantang larang tetapi banyak telah dilupakan dan tidak lagi diamalkan kini.

RUJUKAN

- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. 2005. *Budi bahasa budaya kita*. Kuala Lumpur: KeKKWa.
- Muhammad Haji Salleh. 1991. *Central values of the Malay hero: Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aina Dani. 2000. *Kaedah penyelidikan dalam bahasa Melayu*. Serdang: Universiti Putera Malaysia.

- Sheppard, M.C. F.F. 1959. *Malay courtesy*. Singapore: Eastern Universities Press Ltd.
- Syed Arabi Idid. 1993. *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Muna Ruzanna bt Wan Mohammad. 2010. Kecondongan asimilasi bahasa dan nilai budaya Melayu dalam masyarakat Baba dan Nyonya di Melaka. Unpublished Master thesis. Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Noor Aina Dani, Ph.D.
Prof. Madya
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: drnadi@fbmk.upm.edu.my

Lampiran A

45 NILAI MURNI UNTUK AMALAN RAKYAT MALAYSIA

1. Kepercayaan kepada Tuhan
2. Kesetiaan kepada Negara dan pemerintah
3. Keikhlasan diri
4. Hormat-menghormati
5. Kasih sayang
6. Semangat kemasyarakatan
7. Berpengetahuan
8. Kebersihan fizikal dan mental
9. Bersih
10. Semangat kejiranan
11. Semangat kerjasama
12. Kesederhanaan
13. Kesyukuran dan keredaan
14. Berdaya saing
15. Menghargai masa
16. Semangat hidup bermasyarakat
17. Menghulur dan menerima kemaafan
18. Disiplin diri
19. Bertanggungjawab
20. Beramanah
21. Adil
22. Tolong-menolong
23. Prihatin
24. Sabar
25. Bertimbang rasa
26. Toleransi
27. Bersimpati
28. Merendah diri
29. Bersungguh-sungguh
30. Menghormati hak setiap individu
31. Menyayangi diri, keluarga, jiran dan masyarakat
32. Suci hati
33. Berfikiran positif
34. Amalan baik
35. Sedia berkorban untuk kebaikan bersama

36. Berkongsi untung nasib
37. Benar
38. Berani
39. Murah hari
40. Yakin diri
41. Berpada
42. Berlemah lembut
43. Ikhlas
44. Berterus terang
45. Bercita-cita tinggi

Sumber: KeKKWa 2005